

## Pantau kemasukan vape di sempadan

**SEREMBAN** – Kementerian Kesihatan (KKM) meminta kerjasama agensi penguatkuasaan di sempadan negara meningkatkan kawalan di pintu masuk terhadap produk yang membabitkan rokok elektronik atau vape bagi mengelakkan lambakan produk tersebut di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad berkata, kemasukan produk tersebut dapat dikawal jika pihaknya mendapat kerjasama daripada agensi penguat kuasa seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Saya ingin menegaskan penguatkuasaan kawalan pintu masuk yang melibatkan Jabatan Kastam perlu diperlakukan, khususnya kemasukan produk yang bernikotin.

“Pihak KPDNHEP juga boleh membantu memainkan peranan dalam lambakan produk vape dan rokok elektronik ini, misalnya berbinang bersama FCTC (Rangka Kerja Kawalan Tembakau)

mengenai piawaian kawalan produk tersebut dalam negara,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Tilawah al-Quran KKM peringkat Kebangsaan kali ke-30 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, bagaimanapun pihak KKM turut mengambil beberapa tindakan termasuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pakar yang dianggotai penguat kuasa farmasi, sektor inspektorat KKM, KP-

DNHEP dan Rangka Kerja Kawalan Tembakau.

“Jawatankuasa itu akan bermesyuarat untuk kali kedua, esok (hari ini) bagi memperincikan penguatkuasaan terhadap vape yang bernikotin dalam masa terdekat, memandangkan bahan vape yang bernikotin adalah dikawal di bawah Akta Racun.

“Bahagian Kawalan Penyakit sedang atur perbincangan dengan Kementerian Pendidikan mengenai isu penggunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah,” jelasnya. – Bernama



DZULKEFLY